

Kereta potong mungkin punca terputus dua

Kuala Lumpur: Pakar keselamatan jalan raya tidak menolak kemungkinan PERODUA Kelisa yang terputus dua selepas bertembung PERODUA Myvi di Jalan Seremban-Kuala Pilah, Seremban, semalam, adalah kereta potong.

Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Law Teik Hua, berkata ia berikutan bahagian depan yang terputus itu kelihatan terdapat bekas sambungan pada kereta terbabit.

Bagaimanapun, katanya, perkara itu perlu dibawa ke Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM) dan disiasat terlebih dulu bagi mengesahkan

perkara itu.

“Saya lihat kemalangan membabitkan dua maut itu mempunyai dua kemungkinan sama ada pertembungan kedua-dua kereta terbabit membabitkan impak tinggi atau kereta yang terputus itu adalah kereta potong.

Sukar dipastikan

“Ia agak sukar dipastikan kerana biasanya kereta potong adalah kenderaan jenis mewah dan mempunyai nilai tinggi berbanding kereta PERODUA Kelisa yang sudah kurang nilainya,” katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Teik Hua berkata, biasanya kereta potong dilakukan berikutan

kenderaan terbabit mengalami kemalangan sehingga rosak teruk dan perlu digantikan dengan alat ganti yang baharu.

“Oleh kerana alat ganti baharu sangat mahal, pemilik kenderaan yang masih ingin menggunakan kereta mereka akan memotong dan melakukan sambungan dengan kereta terpakai yang lebih murah.

“Kereta potong mempunyai risiko tinggi berdasarkan kualiti mekanik bengkel kereta yang menyambung bahagian kenderaan berkenaan. Bukan hanya kemalangan, jika memandu laju juga boleh menyebabkan kereta terputus,” katanya.



Keadaan kereta yang terputus dua selepas terbabit nahas di Jalan Bukit Putus Seremban-Kuala Pilah, semalam.